



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS : No.(A)100-4/3316/Jld.2 (60)

Tarikh : 25 November 2010

Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BILANGAN 14 TAHUN 2010
PERATURAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA TAHUN 2010

1. TUJUAN

- 1.1 Menetapkan peraturan pembayaran Bantuan Khas Kewangan kali kedua bagi Tahun 2010 kepada Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.
- 1.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.7/2010 bertarikh 25 November 2010 .
- 1.3 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah dan Pekeliling Jabatan ini boleh didapati di laman rasmi Kerajaan Negeri Sabah di <http://www.sabah.gov.my/ecircular>.

2. KADAR PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA TAHUN 2010

- 2.1 Kadar bayaran bagi Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 adalah ditetapkan sebanyak RM500.00 bagi setiap anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang layak.

3. KAEDAH PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA TAHUN 2010

- 3.1 Jabatan ini akan membuat pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 secara automatik kepada anggota Perkhidmatan Awam Negeri yang gajinya masih aktif dibayar melalui Sistem Gaji Pusat (SGP) termasuk Jabatan Mengakaun Sendiri pada bulan Disember 2010.

Mukasurat : 2

Rujukan : No.(A)100-4/3316/Jld.2 (60)

Tarikh : 25 November 2010

- 3.2 Anggota yang gaji bulanannya telah dikeluarkan dari SGP atau tidak aktif pada bulan Disember 2010 tetapi layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 , pembayaran boleh dibuat pada bulan Januari 2011 melalui Sistem Baucar Berasingan (SBB).
- 3.3 Baucar Bayaran Berasingan bagi Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 seperti yang tersebut di perenggan 3.2 di atas hendaklah disediakan oleh Kementerian / Jabatan dimana anggota berkenaan sedang berkhidmat / terakhir berkhidmat dengan menghantar baucar bayaran tersebut ke pejabat pembayar yang berkenaan (Seksyen Gaji dan Pencen , Ibu Pejabat Jabatan Bendahari Negeri / Bendahari Daerah / Ibu pejabat Jabatan Mengakaun Sendiri) lengkap dengan dokumen-dokumen penyokong.

4. KOD BAGI BANTUAN KHAS KEWANGAN KEDUA TAHUN 2010

- 4.1 Kod Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 yang dibayar melalui SGP / SBB adalah seperti berikut:

KOD OBJEK	KOD GAJI	SINGKATAN	PERIHAL
15106	405	BKK	Bantuan Khas Kewangan KeduaTahun 2010
29306	406	BKK (TB)	Bantuan Khas Kewangan Kedua (Vot Terbuka)

- 4.2 Bayaran Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 yang dibayar pada tahun 2011 hendaklah juga menggunakan kod yang sama seperti diatas.

Mukasurat : 3

Rujukan : No.(A)100-4/3316/Jld.2 (60)

Tarikh : 25 November 2010

5. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 5.1 Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri akan mengeluarkan Laporan Bayaran Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 untuk rujukan dan simpanan Kementerian /Jabatan masing-masing.
- 5.2 Berdasarkan kepada laporan dalam 5.1, Ketua Jabatan disarankan untuk menyemak dengan teliti dan memastikan pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010 kepada setiap anggota yang layak adalah tepat dan teratur.
- 5.3 Jika berlaku tersalah bayaran , pelarasan hendaklah dibuat melalui e-Pay-A3 dengan menggunakan borang tunggakan G 1.1 dan kemukakan bersama input gaji bulan Februari 2011.
- 5.4 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan baki peruntukan dalam vot yang berkenaan adalah mencukupi untuk pembayaran Bantuan Khas Kewangan Kedua Tahun 2010. Jika baki peruntukan yang berkenaan tidak mencukupi , Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memohon virement atau peruntukan tambahan (ASP) mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

6. PENUTUP

Sebarang kemasukan dalam pelaksanaan pekeliling ini hendaklah ditujukan kepada Seksyen Gaji dan Pencen, Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272159, 088-255628 untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH , CEKAP DAN AMANAH ”

(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

BB/ACA/jl

Mukasurat : 4
Rujukan : No.(A)100-4/3316/Jld.2 (60)
Tarikh : 25 November 2010

s.k Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Wisma Pertanian
Beg Berkunci 2060
88632 KOTA KINABALU

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkinci 68
90009 SANDAKAN

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Tanah dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU

(u.p. Ketua Akauntan)

s.k Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 1 , Blok A
Wisma Kewangan
88999 KOTA KINABALU

u.p. Cik Cecilia Chang
Puan Rafidah Ali Hassan
Encik David Augustine
Puan Chia Pit Hah
Cik Elizabeth Tai

s.k. Semua Bendahari Daerah